



Paras air susut ketara
di Empangan Bukit Merah
berhampiran jeti ke Pulau Orang
Utam di Bukit Merah Laketown.
(Foto Danial Saad/BH)

**Tasik Bukit
Merah kering
jejas 12,400
hektar sawah**

JPS hentikan pengairan susulan takungan air susut ke paras bahaya

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Bagan Serai: Tasik Bukit Merah kering hingga menjejaskan sawah padi seluas 12,400 hektar di daerah ini, Semangol dan Selinsing dan menyebabkan lebih 100 penduduk membuat solat hajat dan solat sunat istisqa bagi memohon hujan kembali memenuhi tasik berkenaan. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria, berkata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menghentikan pengairan ke sawah padi ber-

mula 27 Mei lalu berikutan paras takungan air Tasik Bukit Merah susut ke paras bahaya.

Katanya, keadaan sawah padi yang diusahakan penduduk kini berusia 20 hingga ke 40 hari serta memerlukan air dalam kuantiti yang banyak dan pesawah terpaksa menakung air yang dijangka hanya dapat bertahan antara tujuh hingga 14 hari.

“Sekiranya tidak berlaku hujan dalam tempoh seminggu dua ini, sawah akan kering sekali gus memberi kesan teruk kepada 4,720 pesawah.

“Bagaimanapun, kerajaan ada peruntukkan atau bantuan khas sekiranya perkara ini berlaku,” katanya ditemui media selepas Program Solat Sunat Hajat dan Solat Sunat Istisqa di Pusat Informasi Empangan Bukit Merah, semalam.

Program itu turut disertai oleh Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri dan Pegawai Pertanian Daerah Kerian, Riduan Othman.

Mengenai pembeni-

han awan, Razman berkata perkara itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Besar Perak dan pihaknya mengharapkan ia dapat dilakukan segera dalam minggu ini.

Sementara itu, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Parit Air Itam, Siap Jeraai, berkata sudah tiba masanya kerajaan menyegerakan perancangan pembinaan terowong air dari Sungai Perak.

Beliau berkata, cadangan pembinaan itu sebenarnya telah berlarutan beberapa tahun lalu namun belum ada kata putus.

“Setiap kali berlaku penyusutan air di tasik ini hingga ke paras kritikal, skripnya sama iaitu kerajaan akan membuat terowong saluran air dari Sungai Perak.

“Jika tiada penyelesaian yang menanggung akibatnya adalah pesawah. Mana kami nak cari air? Saban tahun pesawah akan menanggung rugi,” katanya.

“Sekiranya tidak berlaku hujan dalam tempoh seminggu dua ini, sawah akan kering sekali gus memberi kesan teruk kepada 4,720 pesawah”

Razman Zakaria,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
Perladangan dan Industri Makanan Perak

